



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 22 FEBRUARI 2021**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	BANTU PENGUSAHA BOT LAUT DALAM, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA-32	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
2. 3. 4.	PENTERNAK BOLEH MOHON BANTUAN, NEGERI, SINAR HARIAN-29 GRISLY IMAGES OF CAT'S DEATH STILL HAUNT OWNER, NATION, THE STAR-10 SEBATAN MANDATORI BUAT PENDERA HAIWAN, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA-11	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
5. 6.	MAQIS RAMPAS UBI KENTANG RM353,490, NEGARA, KOSMO-16 MAQIS SITA KONTENA BAWA 126.4 TAN UBI KENTANG DARI JERMAN, NASIONAL, BERITA HARIAN-22	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN (MAQIS)
7.	PENGELUARAN PADI MADA MENURUN	LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA)
8. 9.	MASALAH PEKEBUN NANAS SELESAI, NEGARA, KOSMO-16 PEKEBUN NANAS MORIS LEGA, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA-31	LEMBAGA PEMASARAN PERTANIAN PERSEKUTUAN (FAMA)
10.	DON'T EAT SHELLFISH, DEPT WARNS AFTER DETECTING PSP TOXINS IN TUARAN, HOME, BORNEO POST-1	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
11. 12. 13. 14. 15.	AZIZAH 40 TAHUN JUAL IKAN PEKASAM, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA, 33 FGV, TINGKAT KELUAR BAHAN TANAMAN, BISNES, HARIAN METRO-242 TEMPORARY WORK PERMIT WILL HELP FISHERMEN, NEWS, GUANG MING DAILY-A4 PORK IN MARKET ARE SAFE FOR CONSUMPTION, NATION, CHINA PRESS-A17 PORK SUPPLY IN SABAH STILL SAFE TO CONSUME, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU-A17	LAIN - LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Bantu pengusaha bot laut dalam

ALOR SETAR: Kementerian Pertanian dan Industri Makanan diminta campur tangan dalam membantu pengusaha bot laut dalam membawa masuk tekong dan awak-awak dari Thailand serta Vietnam ke negara ini.

Pertubuhan Pemilik Bot Ikan Negeri Kedah mendapati Kementerian itu sebelum ini tidak mengambil berat terhadap masalah yang dihadapi pengusaha bot laut itu walaupun ia boleh mengancam industri perikanan laut dalam sekiranya dibiarkan berlarutan.

Di Kedah, lebih 2,000 pekerja asing dari Thailand dan Vietnam yang bekerja sebagai tekong dan awak-awak bot terabit masih tidak dapat memasuki negara ini walaupun masalah itu telah berlarutan sejak Mac tahun lalu. Malah, pengusaha bot laut dalam di negeri ini kesal apabila Kementerian berkenaan tidak menunjukkan usaha untuk membantu pengusaha bot terlibat beroperasi semula seperti biasa bagi menampung keperluan ikan di pasaran.

Bercakap kepada *Utusan Ma-*



S. SIVAKUMAR

lystia di sini semalam, Pegawai Khas Pertubuhan Pemilik Bot Ikan Negeri Kedah, S. Sivakumar berkata, Kementerian itu sepatutnya mengambil tindakan segera menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi pengusaha bot laut dalam bagi membolehkan mereka dapat beroperasi seperti biasa.

Beliau berkata, difahamkan masalah yang sama juga dihadapi oleh pengusaha bot laut dalam di negeri Kelantan dan



SEBAHAGIAN bot nelayan laut dalam yang tersadai di Kuala Kedah.

Perlis. "Masalah pekerja asing dalam industri laut dalam ini sepatutnya mendapat perhatian pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan memandang ke arah berlarutan sejak hampir setahun lalu," katanya.

Sebelum ini, *Utusan Malaysia* melaporkan, kerajaan di-

untuk mereka beroperasi semula memandangkan mereka telah kehilangan pendapatan sejak hampir setahun lalu.

Memurutnya, mereka memerlukan modal yang besar termasuk pembelajaran membawa masuk tekong dan awak-awak ke negara ini dan kos-kos lain sebelum dapat beroperasi semula seperti biasa.

Penternak boleh mohon bantuan

KUALA TERENGGANU - Penternak yang terjejas akibat haiwan ternakan mati diserang haiwan liar boleh memohon bantuan menerusi Tabung Bencana Pertanian Negeri.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim memberitahu, serangan haiwan liar terhadap hasil tanaman atau ternakan termasuk dalam kategori bencana di bawah Tabung Bencana Pertanian Terengganu.

Katanya, penternak terlibat perlu membuat laporan polis dan Jabatan Perkhidmatan Veterinar (JPV) terlebih dahulu sebelum pihak veterinar melakukan taksiran kerugian dan di proses dalam mesyuarat jawatankuasa tabung bencana pertanian



Antara lembu yang mati dibaham harimau dalam kejadian di Kampung Lubuk Perluk, Hulu Terengganu.

**TERNAKAN
DIBAHAM
HARIMAU**



AZMAN

negeri.

“Kita akan mengadakan mesyuarat bagi 2021 dalam masa terdekat dan bantuan akan disalurkan terus ke akaun penerima selepas semua urusan termasuk taksiran kerugian disahkan.

“Biasanya sumbangan RM500 akan diberikan kepada setiap haiwan ternakan yang mati,” kata Azman ketika dihubungi *Sinar Harian* pada Ahad.

Pada kejadian 14 Februari lalu, seorang penternak lembu di Kampung Lubuk Periuk di Hulu Terengganu mendakwa mengalami kerugian lebih RM3,500 selepas dua lembu miliknya dibaham harimau.

Katanya, ia bukan kejadian pertama kerana lebih 20 ternakannya dibaham haiwan itu sejak 10 tahun lalu.

Dalam kejadian berasingan pada 10 Disember tahun lalu, media melaporkan lebih 25 lembu yang diternak oleh 30 peneroka di Felda Kerteh 4, Ketengah Jaya, Dungun mati dibaham harimau.



In her prime: Salina's beloved Cantik before its death.

Grisly images of cat's death still haunt owner

By MIZAN KAMALINA JUMMAT
newsdesk@thestar.com.my

PETALING JAYA: Three days after her cat was found brutally killed, Mur Salina Junaidi is still haunted by the images of the feline with its four paws dismembered.

"To the wrongdoer, my cat's pain is now over but it lasts for us and may it haunt you till the end," said the 20-year-old office worker.

"My family is still trying to cope with grief after Cantik's death," she said when contacted yesterday.

Salina's family named the furry friend "Cantik" for her beautiful figure.

Cantik was also the only female cat in their house in Taman Harmoni, Gombak.

Cantik was found in a box, wrapped with newspaper, at the back of her uncle's car nearby her house.

The incident sparked outrage among animal lovers on social media with many urging harsh punishment for the suspects who treated the feline inhumanely.

Salina said as the family was devastated by the loss of the cat, they were keeping their five other cats safe in their cages.

For now, she is grateful to the help offered by NGOs searching for the person who killed her cat.

"I would like to thank the NGOs who reached out to aid in searching for the ferocious culprit(s).

"As we are not able to do so ourselves because there are no CCTV recordings near the house or witnesses, the assistance rendered by many parties to shed light into the death is much appreciated," she said.

A report had been lodged at the Gombak police station on Friday.

Salina added that the family was anxiously waiting for the updates from Shah Alam Veterinary department where the case was referred to for further investigation.

Sebatan mandatori buat pendera haiwan

KUALA LUMPUR: Hukuman sebatan mandatori perlu dikenakan kepada penjenayah yang terlibat dalam kegiatan penyiksaan terhadap haiwan sehingga membawa kepada kematian.

Meskipun kerajaan sudah memperuntukkan hukuman undang-undang terhadap pesalah melalui Akta Kebajikan Haiwan 2015, namun hukuman tersebut kurang berkesan melihat kes penyiksaan haiwan masih berlarutan.

Presiden Persatuan Haiwan Malaysia, Arie Dwi Andika yakin sebatan mandatori itu mampu menyedarkan pesalah dan orang ramai terutama dari sudut psikologi dengan meletakkan si pelaku berada di posisi 'penyiksaan' seperti yang dihadapi oleh haiwan yang berdepan situasi sama.

"Setelah beberapa tahun akta ini dikuatkuasakan, masih ada kelompondan dan memberi ruang untuk kezaliman pada haiwan berlaku. Akta ini juga tidak pun menakutkan mereka malah tidak mampu mendidik penjenayah haiwan menghentikan sifat zalim semula jadi dalam diri.

"Saya melihat Malaysia antara negara yang ada masalah jenayah haiwan tertinggi dan setiap hari ada sahaja kes yang dilaporkan walaupun pihak berkuasa kata berdasarkan statistik kes sudah menurun.

"Tetapi ia tidak mengubah apa-apa. Penurunan itu disebabkan ada pihak yang tidak mahu melaporkan kerana sudah menyampah susulan

kaedah siasatan dan birokrasi pendakwaan terlalu rumit apabila melibatkan jenayah terhadap haiwan," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Akta Kebajikan Haiwan 2015 Perkara 30 (4) memperuntukkan, mana-mana individu yang melakukan kesalahan boleh didenda tidak melebihi RM100,000 atau hukuman penjara tidak lebih tiga tahun atau keduanya.

Kelmarin, tular di media sosial berhubung kejadian kucing dikenali sebagai Cantik ditemukan mati di dalam kotak dengan keempat-empat kakinya dipercayai dipatahkan dan dicabut sehingga mengundang kemarahan orang ramai.

Senada dengan Arie, Pengerusi Malaysia Independent Animal Rescue, T. Puspa Rani berkata, walaupun kempen kesedaran terhadap haiwan kurang memadai, namun pihak berkuasa melalui Jabatan Perkhidmatan Veterinar harus konsisten melaksanakannya.

Kata Puspa, selama 10 tahun berkhidmat dengan kebajikan haiwan, sudah terlalu banyak aduan yang diterima dan kebanyakan daripada kes itu tiada bukti kukuh untuk meneruskan siasatan dan mendakwa si pelaku ke muka pengadilan.

"Pertubuhan bukan kerajaan (NGO) seperti kami sahaja tidak cukup dalam menangani masalah ini. Industri media juga boleh memainkan peranan dengan menyebarkan maklumat tentang perkara ini," katanya.

Maqis rampas ubi kentang RM353,490

ISKANDAR PUTERI – Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan (Maqis) berjaya menggagalkan cubaan menyeludup masuk kentang import seberat 126,400 kilogram (kg) di Pelabuhan Tanjung Pelepas (PTP) di sini, Jumaat lalu.

Maqis PTP dalam satu kenyataan memberitahu, dalam kejadian pada pukul 11 pagi itu, kentang yang dibawa masuk dari Jerman itu dianggarkan bernilai RM353,490.

"Hasil pemeriksaan dibuat pegawai Maqis terhadap sebuah kontena menemui sejumlah 126,400kg kentang dari Jerman bernilai RM353,490.

"Siasatan lanjut dibuat mendapati pengimport mengemukakan dokumen mengelirukan seperti alamat pengeksport tidak sama seperti yang diisytiharkan di dalam permit ubi kentang tersebut," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Tambah kenyataan itu, kes akan disiasat di bawah Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia 2011 (Akta 728) kerana melakukan pengisytiharan yang mengelirukan pihak berkuasa.

"Jika sabit kesalahan, boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi dua tahun atau kedua-duanya.

"Manakala bagi kesalahan



UBI kentang Jerman yang ditahan Maqis PTP di Pelabuhan Tanjung Pelepas, Iskandar Puteri, Johor Jumaat lalu.

kedua atau yang berikutnya didenda tidak melebihi RM75,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih lima tahun atau kedua-duanya," ujarnya.

Sementara itu, pihak Maqis menasihati semua pengimport dan pengeksport agar sentiasa mengikut peraturan ditetapkan kerajaan agar kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan serta jaminan keselamatan makanan terpelihara.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22.02.2021	BERITA HARIAN	NASIONAL	22

MAQIS sita kontena bawa 126.4 tan ubi kentang dari Jerman

Johor Bahru: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (MAQIS) menahan sebuah kontena yang membawa masuk 126.4 tan ubi kentang bernilai RM353,490.24 dari Jerman di Pelabuhan Tanjung Pelepas, di sini, kelmarin.

MAQIS Johor dalam kenyataannya berkata, pemeriksaan dijalankan pegawai penguatkuasanya mendapati, pengimport mengemukakan dokumen mengelirukan termasuk alamat pengeksport tidak sama seperti diisytiharkan dalam permit ubi kentang berkenaan.

"Semua ubi kentang yang dianggarkan bernilai RM353,490.24 itu ditahan untuk tindakan lanjut dan kes disiasat mengikut Seksyen 13 Akta Perkhidmatan Kuarantin

dan Pemeriksaan Malaysia 2011 [Akta 728] kerana melakukan pengisytiharan mengelirukan pihak berkuasa.

"Jika sabit kesalahan, pengeksport boleh didenda maksimum RM50,000 atau dipenjarakan maksimum dua tahun atau kedua-duanya dan bagi kesalahan ke dua atau yang berikutnya didenda maksimum RM75,000 atau dipenjarakan maksimum lima tahun atau kedua-duanya," katanya dalam kenyataan, semalam.

Susulan itu, MAQIS menasihatkan semua pengimport dan pengeksport sentiasa mengikut peraturan ditetapkan supaya kawalan penyakit haiwan, ikan, tumbuhan serta jaminan keselamatan makanan terpelihara di Malaysia.



Kontena mengandungi 126.4 tan ubi kentang ditahan di Pelabuhan Tanjung Pelepas, semalam. (Foto ihsan MAQIS)

Pengeluaran padi MADA menurun

Oleh **JAMLIH ABDULLAH**
utusannews@mediamulla.com.my

ALOR SETAR: Jumlah pengeluaran padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) pada musim 2/2020 mencatatkan penurunan dengan anggaran hasil tanaman sebanyak 5.61 tan metrik sehektar sehingga 17 Februari lalu.

Pengerusi MADA, Ahmad Tarmizi Sulaiman berkata, berdasarkan laporan penyiasatan pengeluaran hasil padi (CCS) sehingga tarikh sama, purata hasil padi di kawasan MADA bagi musim 2/2019 adalah sebanyak 5.98 tan metrik sehektar.

"Jumlah hasil tuai yang direkodkan itu melibatkan seluas 66 peratus kawasan penanaman padi bagi musim tahun ini," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Beliau berkata demikian bagi mengulas laporan *Utusan Malaysia* pada 16 Februari lalu berhubung dakwaan kebanyakan pesawah di sini bahawa pengeluaran hasil padi pada musim ini berkurangan antara 15 hingga 20 peratus berbanding musim lalu.

Bagaimanapun Ahmad Tarmizi berkata, serangan perosak dan penyakit tanaman padi di kawasan kendalian MADA di Kedah dan Perlis mencatatkan penurunan sebanyak 72 peratus dalam tempoh sama.

Pihaknya merekodkan sejumlah 2,014 hektar serangan perosak dan penyakit tanaman padi

di keseluruhan Kawasan Muda berbanding pada musim 2/2019 adalah seluas 7,206 hektar.

Katanya, MADA melaksanakan program membantu kawalan serangan bena perang di kawasan yang mempunyai penilaian risiko tinggi.

"Program membantu kawalan bena perang itu melibatkan kawasan keluasan 1,819 hektar secara berperingkat dengan kos RM195,000," jelasnya.

Tambahnya, dari segi penggunaan benih padi sah, pemilihan penggunaan varieti MARDI Siraj 297 adalah sebanyak 49 peratus dalam kalangan peladang.

Katanya, pengeluar benih padi sah adalah terdiri daripada sembilan syarikat yang dilantik oleh pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) MADA, Ishak Taib berkata, semua peladang MADA harus sentiasa peka dengan aktiviti di peringkat ladang dan bekerjasama dengan PPK untuk meningkatkan hasil padi.

"Walaupun dalam keadaan cuaca yang tidak menentu, peladang MADA mampu terus memberi sumbangan kepada pengeluaran tanaman padi negara.

"Isu seperti masalah serangan penyakit dan perosak adalah asam garam yang harus ditempuhi, namun ia boleh diselesaikan dengan perbincangan bersama MADA," katanya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22.02.2021	KOSMO	NEGARA	16

Masalah pekebun nanas selesai

PONTIAN - Peserta tanaman berkelompok nanas moris Ayer Baloi menarik nafas lega kerana isu lambakan buah nanas yang tidak dapat dijual telah mendapat perhatian daripada pelbagai pihak termasuk Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA).

Pengerusinya, Ariffin Ali, 48, berkata, FAMA telah membeli sebanyak 8,000 biji pada minggu lalu dan diikuti 5,000 biji lagi bagi membantu pekebun yang terjejas dengan kekurangan pembeli.

Katanya, seramai lapan pekebun menyertai program tanaman berkelompok di atas tanah seluas 4 hektar yang melibatkan pengeluaran sebanyak 120,000 biji pada bulan Februari hingga Jun ini.

"Memang silap kami sebab gagal buat laporan isu lambakan buah nanas kepada pihak-pihak berkenaan termasuk FAMA pada tuaian bulan Januari lalu menyebabkan peserta kerugian RM80,000.

"Kami bersyukur dan berterima kasih kepada pihak-pihak yang membantu kami pekebun kecil nanas bagi membolehkan buah-buah nanas moris dijual melalui pelbagai kaedah," katanya ketika ditemui di Kampung Parit Baru, Ayer Baloi di sini, semalam.

Tambah Ariffin, memandangkan kesediaan pelbagai pihak termasuk FAMA dan pertubuh-



ARIFFIN (tiga dari kanan) dan Yaakod (tengah) bersama buah-buah nanas yang akan dibawa ke Negeri Sembilan di Kampung Parit Baru, Ayer Baloi, Pontian semalam.

han bukan kerajaan membantu pekebun kecil, harga jualan bagi sebiji buah nanas purata RM1.

"Sebelum ini kami menjual mengikut gred, dengan gred A mampu mendapat harga RM1.45 sen sebiji tetapi disebabkan keadaan semasa ketika ini, yang penting nanas dapat dijual dan petani tidak terus menanggung kerugian," ujarnya.

Sementara itu, Senator Dewan Negara Dr. Yaakob Sa-

pari turut membeli 10,000 biji buah nanas keluaran ladang berkelompok setelah dimaklumkan mengenai lambakan buah tersebut di akhbar dan media sosial.

"Kami membeli sebanyak 10,000 biji nanas moris yang akan diagihkan secara percuma di kawasan berkenaan dan bersedia untuk membelinya selepas ini jika ada permintaan lagi," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22.02.2021	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31



YAAKOB Sapari (kiri) dan Ariffin Ali (kanan) bersama-sama buah nanas Moris yang akan dihantar ke Negeri Sembilan di Kampung Parit Baru, Ayer Baloi, di Pontian, Johor. - UTUSAN/MUHAMMAD ZIKRI

Pekebun nanas Moris lega

PONTIAN: Peserta tanaman berkelompok nanas Moris kini mampu menarik nafas lega setelah isu lambakan buah varieti itu yang kurang mendapat permintaan di pasaran sebelum ini kembali terjual melalui usaha-usaha dilakukan pelbagai pihak.

Pengerusi Ladang Kelompok Tanaman Nanas Moris Ayer Baloi, Ariffin Ali berkata, penanam amat menghargai langkah Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) dengan kerjasama Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia (LPNM) yang membeli buah-buah itu.

Katanya, seramai lapan orang pekebun menyertai program tanaman berkelompok di situ yang melibatkan tanah berkeluasan kira-kira 10 ekar dengan pengeluaran sebanyak 120,000 biji pada Februari hingga Jun ini.

"FAMA telah membeli sebanyak 8,000 biji buah nanas Moris pada minggu lalu, diikuti 5,000 biji lagi bagi membantu pekebun yang terjejas di sini. Kami bersyukur dan berterima kasih kepada pihak-pihak yang membantu pekebun kecil bagi membolehkan buah ini dijual melalui pelbagai kaedah," katanya.

Kelmarin, akhbar ini melaporkan, FAMA Negeri Johor membeli 200 metrik tan buah nanas daripada 30 pekebun kecil bagi mengatasi masalah lambakan buah tersebut.

Nanas varieti itu akan dijual di outlet-outlet peruncitan FAMA selain menghantar ke kilang untuk tujuan pemprosesan.

Ini susulan sekumpulan pekebun kecil yang menanam buah nanas di tanah berkeluasan 300 ekar di Kampung Parit Betak, Benut di sini runding buah yang boleh dituai berdepan lambakan ekoran aktiviti pembelian yang perlahan.

Headline	Don` t eat shellfish, dept warns after detecting PSP toxins in Tuaran		
MediaTitle	Borneo Post (KK)		
Date	22 Feb 2021	Color	Black/white
Section	Home	Circulation	18,290
Page No	1	Readership	54,870
Language	English	ArticleSize	57 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 159
Frequency	Daily (EM)	PR Value	RM 477



Don't eat shellfish, dept warns after detecting PSP toxins in Tuaran

PHOTOGRAPHER

KOTA KINABALU: The Sabah Fisheries Department warned the people against selling or consuming shellfish as Paralytic Shellfish Poison (PSP) toxins reached dangerous levels in the Sungai Trayong waters.

"High levels of PSP toxins have been detected in the waters of Sungai Trayong, Tuaran," said Tuaran District Fisheries enforcer Chin Tet Foh here yesterday.

"As a result of analysis of oyster (shellfish) samples conducted by

the Fisheries Biosecurity Unit at Likas Fisheries Complex, the PSP level has reached a dangerous level in shellfish.

"In this regard, the public is advised or prohibited from selling and consuming shellfish like oysters, lokan, mussels and other types of shellfish," he said.

However, he added that all types of fish, squid and prawns are safe to eat but its gills and stomachs should be cut, discarded and cleaned before cooking.

Azizah 40 tahun jual ikan pekasam

KANGAR : Bermula dengan memancing bagi mengisi masa lapang sejak usia muda, siapa sangka hobi berkenaan menjadi sumber pendapatan tambahan bagi seorang warga emas, Asa Ismail, 64, yang menjual ikan pekasam hasil daripada aktiviti tersebut.

Tanpa sedar, dia yang lebih dikenali sebagai Azizah dalam kalangan penduduk setempat, kini sudah lebih 40 tahun menghasilkan dan menjual ikan pekasam yang terdiri daripada ikan puyu dan haruan secara kecil-kecilan.

Ibu kepada lima orang anak

itu memberitahu, dia memperoleh banyak ikan khususnya sekitar Julai hingga Disember iaitu ketika musim Barat atau musim hujan.

Bagaimanapun, katanya, pada musim Timur ketika ini, hasil ikan yang diperolehi daripada aktiviti memancing agak berkurangan atas sebab faktor cuaca panas.

"Saya sentiasa pergi ke merata tempat untuk memancing sehingga ke Kampung Tok Pulau dan Kampung Sungai Padang di Simpang Empat. Jika ada orang beritahu ada lubuk ikan, saya ke sana untuk memancing," katanya.

ASA Ismail, 64,
menunjukkan ikan
pekasam di rumahnya
di Kampung Belanga
Pudak, Bintong, Kangar,
Perlis semalam.
- UTUSAN/NAZLINA
NADZARI



TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
22.02.2021	HARIAN METRO	BISNES	24



FGV akan meningkatkan pengeluaran bahan tanaman pisang, buluh, kelapa dan padi pada tahun ini bagi memenuhi permintaan domestik.

FGV tingkat keluar bahan tanaman

Kuala Lumpur: FGV Holdings, Bhd (FGV) akan meningkatkan pengeluaran bahan tanaman pisang, buluh, kelapa dan padi tahun ini untuk memenuhi permintaan domestik yang semakin bertambah bagi aktiviti pertanian tanaman.

Ketua Pegawai Eksekutif, Datuk Haris Fadzilah Hassan berkata, peningkatan permintaan pelanggan menunjukkan kemampuan FGV dalam menawarkan pelbagai produk berkualiti tinggi melalui penyelidikan kultur tisu secara mendalam, infrastruktur penyelidikan dan pembangunan

yang canggih serta pengalaman lebih 50 tahun dalam penyelidikan klon.

“Penggunaan bahan tanaman yang betul antara faktor utama yang menentukan kejayaan pengeluaran tanaman secara komersial,” katanya dalam kenyataan.

Menerusi kenyataan itu, FGV menjelaskan pihaknya menasar meningkatkan varieti klon pisang kepada dua juta tahun ini, sekali ganda daripada satu juta klon pisang yang dihasilkan pada 2020 untuk memenuhi peningkatan permintaan bagi spesies berangan, cavendish dan tanduk.

Headline	Temporary work permit will help fishermen		
MediaTitle	Guang Ming Daily		
Date	22 Feb 2021	Color	Full Color
Section	News	Circulation	49,712
Page No	A4	Readership	149,136
Language	Chinese	ArticleSize	156 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 2,364
Frequency	Daily	PR Value	RM 7,091



副農長：減少聘外勞 臨時工作准證有利漁業

（道北21日讯）农业及食品工业部副部长拿督仄阿都拉表示，政府实施临时工作准证（PLKS）的提议，旨在减少我国渔业对于雇用外籍渔民或员工的依赖。

“政府希望努力确保这个行业能长期保持平稳、有序和安全地运行。”

他表示，自2015年以来，政府就一直在尝试实施临时工作准证，但由于考虑到渔民的需求，政府才推迟到现在。

“其实这一次的推迟，已经为本地渔业提供充足的时间，以便为更有系统地进行海上捕捞作业做好准备。换言之，从长远来看，这意味着雇用持有经过改进的证件的渔民，对这个行业有利。”

他是于今早在吉兰丹的华卡峇鲁一家产蛋鸭养殖场参观后，对记者如此表示。

上周四，有媒体报道指出，一旦政府正式实施临时工作准证的政策，由于需

承担每个外籍渔民涉及费用将近6000令吉，这将导致本地土著渔船船主未来陷入黑暗。

其中，登嘉楼渔民协会（Penentu）主席末耶欣莫哈末向记者表示，临时工作准证的政策一旦在疫情期间实施，土著渔船船主不但被逼结束营业，而且在我国的商业捕鱼业中继续被边缘化。

末耶欣莫哈末也指出，农业及食品工业部应该透过大马渔业局收集所有商业捕鱼活动业者的投诉，甚至与相关机构一起讨论。

“临时工作准证课题其实也在大马移民局及内政部权限范围，因此这政策需要更加仔细研究之后，才作出正式的宣布。”

较早时，政府计划于去年7月开始向国内渔业聘请的外籍渔民及外籍员工实施临时工作准证，不过为了各方的利益及一些因素而推迟了。（BPK）

Headline	Pork in market are safe for consumption		
MediaTitle	China Press		
Date	22 Feb 2021	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A17	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	228 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,497
Frequency	Daily	PR Value	RM 13,491



獸醫局：沙巴北部鬧豬瘟 市面豬肉仍安全

（亞庇21日讯）沙巴兽医局证实，沙巴北部必打士猪死于非洲猪瘟（ASF），唯市场上的猪肉仍安全食用。

沙巴第二副首长兼农业及渔业部长拿督杰菲里吉丁岸今日发文章指出，该局仍需进行更多检测。

“初步测试显示，从必打士采集的13个样本中，有8个出现非洲猪瘟病毒。目前，布城兽医局正通过脱氧核糖核酸（DNA）测序，对此进行确认性检测，我们应该能在一、两天内得到结果。”

官員2周前展開防控

杰菲里吉丁岸指出，沙巴兽医局局长李亚光医生向他汇报，该局官员在2周前已到现场展开防控猪瘟爆发工作。

非洲猪瘟病毒自2018年在中国出现后席卷亚洲，至今至少有1亿头猪因感染事件被扑杀；不过，这对猪致命的病毒对人类无害。



■杰菲里吉丁岸

杰菲里吉丁岸强调，疑是瘟疫现象只出现在必打士的家猪身上，而自去年12月以来，在数个地区发现的死野猪身上并没有出现疑是猪瘟病毒。

“值得庆幸，必打士并非养猪县，只有数百头家猪和园丘及森林的野猪。最靠近的养猪场在50公里外的哥打马鲁都县和140公里外的古达县。”

他说，担波罗里、斗亚兰及吧巴县是沙巴西海岸主要产猪区，东海岸方面则集中在斗湖和山打根。

他也说，市面上销售的所有猪肉，都是在兽医局批准的屠宰场屠宰，并在进入市场前接受检查，可安全食用，且该局也不时进行质量监督和疾病监测。

他建议，养猪业者加强农场生物安全管理，包括禁止外人进入农场，为进入车辆消毒等才进入农场。

Headline	Pork supply in Sabah still safe to consume		
MediaTitle	Nanyang Siang Pau		
Date	22 Feb 2021	Color	Black/white
Section	National	Circulation	27,667
Page No	A17	Readership	83,000
Language	Chinese	ArticleSize	157 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,189
Frequency	Daily	PR Value	RM 3,568



必打士猪死于非洲猪瘟 沙市面猪肉仍可食用

(亚庇 21 日讯) 沙巴兽医局证实，沙巴北部必打士猪死于感染非洲猪瘟 (ASF)，然而市面上的猪肉仍可安全食用。

沙巴副首席部长兼农业及渔业部长拿督杰菲里吉丁岸发文告说，根据初步化验，从必打士采集的 13 个样本中，有 8 个出现非洲猪瘟。

“布城兽医局正在通过脱氧核糖核酸 (DNA) 测序化验这种疾病，我们应能在一两天内知道结果。”

杰菲里说，沙巴兽医局官员已于两周前

到现场展开防控猪瘟爆发的工作。

非洲猪瘟病毒自 2018 年在中国出现后席卷亚洲，目前至少有 1 亿头猪因感染事件被扑杀。不过，这可让猪致命的病毒对人类无害。

杰菲里也强调，疑是瘟疫现象只出现在必打士的家猪身上发现，自去年 12 月以来在数个地区发现的死野猪身上并没出现疑是猪瘟。